

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Suami warak rupanya penagih dadah
25 Apr 2010
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue
Malay
S6
594 cm²
Full Color
3,267
9,801



Suami warak rupanya penagih dadah

SUBANG JAYA – “Melihat kepada penampilan dirinya yang sentiasa kemas memang tiada siapa pun akan menyangka suami sebenarnya sudah terjebak dengan najis dadah.

“Malah suami yang kelihatan baik, kurang bersosial, tidak pernah menyentuh rokok apatah lagi minum minuman keras membuatkan saya tidak percaya pada mulanya dia terlibat dengan gejala negatif itu,” kata Halimah, 37, yang ditemui Sinar Harian ketika menceritakan pengalaman hidup bersama seorang lelaki yang terjebak dengan najis itu selepas berkahwin.

Menurutnya, dia berasa tertipu sebaik mengetahui suaminya yang juga anak imam terkenal di kampungnya di Sabah menjadi penagih musuh nombor satu negara.

Katanya, tidak pernah terlintas difikirkannya bersuamikan seorang penagih apatah lagi sebelum ini percaya keturunan lelaki yang dikahwininya orang baik-baik dan sangat warak.

Ketika menceritakan pengalamannya, Halimah memberitahu, segala-galanya terbongkar apabila pada sambutan tahun baru yang lalu suaminya tidak pulang ke rumah seperti biasa sehingga menimbulkan kebimbangannya.

“Suami bekerja sebagai seorang ‘bouncer’ di sebuah pub manakala saya pula bekerja sebagai pengawal keselamatan di premis berlainan berhampiran.

“Suatu hari tempat dia bekerja diserbu pihak berkuasa, namun saya hanya tahu pada keesokan harinya apabila perkara itu menjadi kecoh,” katanya.

Dia berkata, kerana bimbang perkara yang tidak baik berlaku terhadap suaminya, Halimah kemudiannya menghubungi balai polis berdekatan dan juga bilik gerakan ibu pejabat polis daerah

untuk mengesan suaminya.

“Hati saya luluh apabila diberitahu polis bahawa suami saya ‘sangkut’ dalam pemeriksaan ujian air kencing dilakukan dan positif dadah jenis syabu.

“Namun ketika itu, suami menafikan dia terlibat dengan najis itu dan memberitahu ada orang dengan sengaja mahu menganiayanya dengan meletakkan bahan terlarang itu dalam air minumannya,” katanya yang kemudian menjamin suaminya di balai polis.

Dia menceritakan pengalaman hidupnya ketika ditemui pada program Salam Mawadah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) peringkat daerah Petaling di Subang Jaya dekat sini.

Suami ‘hanyut’ dipengaruhi rakan

Sementara itu Halimah berkata, selepas diasak dengan pertanyaan, sedikit demi sedikit suaminya akhirnya mengaku terjebak dengan ketagihan akibat pergaulan dengan rakan-rakan yang juga sudah terlibat dalam penagihan dadah.

“Namun apa yang saya kesali, rakan-rakan yang dimaksudkan suami adalah golongan profesional yang selalu mengunjungi tempatnya bekerja termasuklah pegawai kerajaan, peguam dan juga doktor.

“Sebelum ini, saya langsung tidak menyangka rakan-rakannya yang pernah berkunjung ke rumah kami turut terbabit dan meng-hanyutkan orang yang saya sayangi,” katanya yang mendakwa

meskipun menagih suaminya tidak ‘mengusik’ wang gaji diterimanya kerana mendakwa mendapat bekalan hasil tajaan rakan-rakannya dari golongan profesional itu.

Selepas mengetahui suaminya menjadi penagih, Halimah mendakwa dia merasa malu dan

Headline **Suami warak rupanya penagih dadah**
Date **25 Apr 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **594 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,267**
PRValue **9,801**

hilang keyakinan diri.

"Pada tahun 1993, saya mendapat tawaran bekerja sebagai polis namun ia terpaksa ditolak, malah ketika bapa mertua meninggal dunia pun saya malu untuk pulang ke kampung bertemu keluarga. Namun perasaan itu mula hilang apabila saya yakin suami boleh berubah dan reda dengan apa yang berlaku.

"Kini saya mula menggerakkan

diri dengan aktiviti termasuk menyertai jawatankuasa Mawadah di bawah AADK bagi sama-sama membimbing suami dan masyarakat luar sana ke pangkal jalan," katanya.

Halimah ketika ditemui mengingatkan golongan isteri di luar sana yang melalui pengalaman yang sama tabah dan bersedia menjadi pembimbing suami.

"Bagi saya, apa yang berlaku diterima dengan reda malah saya tidak jemu membawa suami yang masih di bawah pengawasan polis menjalani pemulihan.

"Saya percaya apa yang berlaku ada hikmahnya malah beberapa langkah diambil untuk mengelakkan anak-anak menuruti jejak langkah yang sama," katanya.

Mula-mula kongsi, selepas itu beli

Dalam pada itu, bekas penagih, Suzaidy Sulaiman, 43, menceritakan ketika awal penagihan bahan terlarang itu, dia berkongsi wang dengan rakan-rakan di kampungnya kerana tidak mampu memandang mereka masih di bangku sekolah ketika itu.

"Dulu saya berkongsi duit belanja yang diperoleh bersama rakan-rakan untuk membolehkan kami membeli ganja sebelum ketagihan dadah jenis heroin apabila sudah meningkat dewasa dan berkerjaya.

"Daripada keseluruhan pendapatan hanya 1 daripada lima baha-

gian diperuntukkan untuk memenuhi keperluan bekalan dadah," katanya ketika memberi ceramah motivasi kepada penghuni rumah Baitulfiq di Subang Jaya dekat sini.

Suzaidy berkata, selepas dua kali keluar masuk pusat serenti dan 10 tahun bergelumang dengan najis dadah itu, dia akhirnya bersyukur kerana pulih sepenuhnya selepas dengan rela hati menjalani pemulihan.

"Memang pada mulanya aktiviti hanya untuk mencuba-cuba dan berseronok namun akhirnya ia membawa padah sehingga saya pernah menjadi orang yang

tidak bertanggungjawab kepada keluarga.

"Malah paling menyedihkan ketika kali pertama saya ditangkap pihak berkuasa ia berlaku di depan mata keluarga yang disayangi," katanya ketika menceritakan pengalamannya kepada wartawan Sinar Harian.

Menurutnya, dia bersyukur kerana keluarganya banyak memberi dorongan dan sokongan sehingga dia kini berjaya menjadi 'orang' dan kini berkhidmat bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk memberi bimbingan agar masyarakat tidak terjebak dengan gejala negatif itu.

Dia yang turut mengingatkan kepada golongan muda supaya tidak sekali terjebak dengan dadah, penagih memang akan mendapat 'bonus' yang hebat apabila sudah ketagih.

"'Bonus' yang saya maksudkan adalah mereka paling mudah dan segera mendapat penyakit Hepatitis B, Human Immunodeficiency Virus (HIV) dan batuk kering. Saya juga bersyukur kerana tidak mendapat 'bonus' istimewa itu

"Tetapi bagi yang sudah terjebak memang mudah untuk dipulihkan tetapi yang sukar adalah mengekalkannya," katanya.

Headline **Suami warak rupanya penagih dadah**
Date **25 Apr 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **594 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,267**
PRValue **9,801**



● Suzaidy ketika menceritakan pengalaman hitamnya ketika bergelar penagih dadah kepada penghuni rumah Baitulfiq di Subang Jaya.